

SISI BERAKHLAK YANG HILANG. Oleh Hasrizal Abdul Jamil. Seri Kembangan: Iman Publication. 2022. Halaman 202. ISBN 978-967-2459-32-3

Buku Sisi Berakhlak Yang Hilang ditulis ketika isteri dan anak penulis menghidap COVID-19. Penulis membawa garapan di dalam buku ini dengan disiplin diri untuk mengawal tindakan. Ini membawa kepada tujuan kehidupan manusia kerana jika tidak manusia akan menjadi sampah dalam masyarakat. Contohnya tujuan mencipta pen adalah untuk menulis namun apabila pen tersebut ditukul dan diketuk di dinding maka pen tersebut akan rosak dan tidak dapat digunakan.

Penulis membawa pembaca dalam pengenalan buku ini dengan satu buku yang sangat bermanfaat untuk mencari sisi akhlak yang hilang iaitu buku *The Seven Habits of Highly Effective People* tulisan Steven Covey yang berkisar kisah masalah kehidupan dalam masyarakat seperti ekonomi, pendidikan, keibubapaan dengan memfokuskan kepada penyebab manusia bertindak dalam keadaan berbeza sehingga melahirkan satu natijah. Contohnya sabar memerlukan kawalan diri, meraikan perbezaan tindakan antara orang yang pasif, reaktif dan proaktif. Stephen Covey menyatakan tabiat ialah hasil gabungan ilmu, kemahuan dan kemahiran. Ilmu menjelaskan apa dan mengapa serta kemahiran yang betul iaitu bagaimana dan hasil daripada kemahuan akan adanya motivasi serta membentuk pengulangan seperti yang dinyatakan oleh kata-kata motivasi iaitu Zig Ziglar bahawa *repetition is the mother of all learning*.

Akhlik menurut Imam Ghazali ialah satu sifat yang tertanam dalam diri. Sifat tersebut munculnya perbuatan yang berlaku dengan mudah tanpa memerlukan kepada pertimbangan akal. Contoh mengubah tabiat memerlukan satu usaha dan usaha tersebut akhirnya akan membawa akhlak. Syeikh Muhammad Abduh pernah berkata ‘Saya pergi ke Paris, saya menjumpai Islam tanpa Muslim tetapi apabila saya balik ke Kaherah saya menjumpai ramai Muslim tanpa Islam’. Di sini dapat diperlihatkan contoh di Singapura apabila menaiki MRT ada orang menghulurkan pertolongan mengangkat kereta sorong bayi, sewaktu hendak pergi ke tandas ada orang yang tolol membuka pintu dan ada juga membantu mendukung anak. Ini ialah tanggungjawab sosial yang sangat murni dan menyebabkan pelancang menjadi terpesona dengan akhlak mereka. Justeru, seorang individu yang menganggap akhlak yang terbaik dan menghargai Rasulullah SAW dalam kehidupan perlu berfikir melalui tiga asas pemikiran iaitu tujuan hidupnya adalah untuk Allah SWT, ganjaran amal adalah ganjaran untuk akhirat dan bersikap konsisten dalam mengingati Allah tidak kira di mana jua berada.

Sehubungan itu, konsep akhlak tersebut bukanlah bergantung kepada subjek yang banyak mengenai akhlak semata-mata namun sifat atau nilai tersebut yang perlu ada di dalam diri. Justeru, konsep iman, Islam dan ihsan perlu diketengahkan. Hal ini kerana iman ialah input, Islam adalah apa yang memprosesnya manakala ihsan merupakan hasil. Ihsan terbahagi kepada tiga iaitu takwa, akhlak dan *itqan*.

Terdapat tujuh tabiat yang dinukilkhan di dalam buku *The Seven Habits of Highly Effective People* karya Stephen Covey iaitu tabiat pertama adalah proaktif dengan mengambil tanggungjawab ke atas diri sendiri dan bersabar. Sabar adalah ‘button pause’ untuk kita berhenti sejenak dan refleks diri dengan berfikir tindakan yang paling tepat untuk dilakukan.

Tabiat kedua adalah memulakan dengan gambaran akhir contohnya dalam gerak kerja organisasi menuntut kita untuk memikirkan matlamat sebelum merancang. Apabila seseorang pelajar bercita-cita untuk menjadi doktor perubatan, beliau bukan sahaja mestilah mendapat A dalam subjek teras, namun beliau perlu memikirkan masa hadapan apabila telah berkeluarga, pasangan yang dipilih dan bidang kepakaran perubatan yang akan diceburi. Selain itu, setiap manusia perlu menganalisa perbuatan yang telah dilakukan sama ada kesudahan tersebut memberi manfaat mahupun sebaliknya.

Tabiat yang ketiga digarap di dalam buku ini adalah meletakkan yang utama sebagai *priority first things first* iaitu perkara yang berharga atau penting diberikan keutamaan. Dalam bahasa Arabnya dipanggil *awlawiyyat* manakala perkara yang kurang berharga boleh diketepikan terlebih dahulu. Penentuan nilai hidup adalah bergantung dengan *world view* seseorang. Contohnya setiap orang mempunyai cara tersendiri untuk menyambut tetamu.

Adakalanya tetamu yang hadir itu adalah orang yang tidak disukai. Akan tetapi Islam sangat meraikan tetamu kerana tetamu datang membawa rahmat kepada tuan rumah. Sememangnya bukan mudah untuk melayan tetamu. Akan tetapi apabila tetamu pulang dengan perasaan gembira, ini satu kepuasan kepada tuan rumah dalam menjaga adab kepada tetamu. Hari ini, kita dapat lihat kelesuan dalam majlis ilmu. Selain itu, Pengendali majlis ilmu perlu bermuhasabah melalui dua dimensi iaitu dimensi sistem nilai hadirin dan dimensi nilai majlis ilmu supaya bahan yang dibincangkan menarik perhatian ahli dan tidak membincangkan perkara yang sama berulang kali.

Seterusnya tabiat keempat adalah *win-win situation* iaitu menang sama-sama. Semasa penulis bertugas sebagai imam di *Belfast Islamic Centre*, penulis dijemput untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam perjumpaan bersama pelajar Muslim di *The Queen's University*. Setelah program tersebut diatur dengan penuh teliti, penulis dikejutkan dengan pelajar senior yang mahu membuat program pada tarikh dan masa yang sama bersama pelajar baru. Oleh itu, penulis menjemput pelajar senior tersebut untuk menghadiri program dan memberi ruang untuk mereka menyampaikan ucapan kepada pelajar baru. Akhirnya, pelajar baru tidak perlu memilih untuk menghadiri program tetapi penulis meletakkan matlamatnya adalah mengumpulkan manusia ke arah kebaikan.

Selain itu, setiap gerakan dakwah perlu mengetahui tentang dakwah dan memahami fikrah. Hasan al-Banna menyatakan konsep yang perlu ada dalam gerakan dakwah adalah *tajarrud* iaitu mengosongkan fikrah daripada semua prinsip dan nilai selain Islam. Namun, sekiranya gerakan dakwah tersebut gagal melahirkan pendakwah yang berani mendedahkan diri kepada cabaran pemikiran, maka lupakanlah agenda atau matlamat untuk memenangkan Islam di mata dunia. Sebaliknya, bagi yang telah dewasa seharusnya bersedia untuk menjana pemikiran dengan menang bersama-sama iaitu bersedia untuk kenduri buffet (*Life is an all-you-can-eat buffet*) bagi menjalani kehidupan yang memiliki kebaikan untuk dikongsi bersama.

Di samping itu, terdapat juga satu tabiat sukar untuk dilakukan iaitu membalaaskan kejahatan dengan sesuatu yang lebih baik. Secara rasionalnya, kebanyakan masyarakat akan berfikir bahawa kejahatan itu mesti dikalahkan dan tidak boleh diberi peluang kepada orang yang bersalah. Akan tetapi, semangat untuk membanteras kejahatan kebiasaannya menyebabkan

kita memilih jalan yang sama untuk membalaunya dengan kejahatan kerana perkara tersebut akan membuatkan kita berasa puas sehingga kita terlupa apa yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis riwayat Muslim iaitu *sesungguhnya aku tidak diperintahkan untuk menyakiti hati manusia dan tidak pula untuk merobek perut mereka.*

Terdapat satu kisah seorang lelaki bernama Ben Taylor telah dihubungi melalui *Facebook* oleh seorang penipu, Joel dari Monrovia, Liberia yang menawarkan peluang pelaburan di Liberia dengan keuntungan dibahagikan 50-50. Ben menawarkan kepada Joel supaya menghantar gambar-gambar dan Ben akan membeli gambar-gambar dari foto yang menarik. Bermula dengan Joel yang tiada pengetahuan tentang nilai seni lama kelamaan telah dapat merakam gambar yang cantik. Ben Taylor menghantar melalui pos kamera murah kepada Joel dari Amerika Syarikat ke Liberia. Gambar-gambar yang dikirim tersebut di kompilasi serta dijual oleh Ben dengan tajuk *By d Grace of God: A Photographic Journey Through Liberia* dan keuntungannya di bahagi sama rata iaitu 50-50. Ternyata Joel yang menjadi *scammer* telah menggunakan wang keuntungan untuk membeli peralatan sekolah bagi membantu kanak-kanak miskin di Liberia. Kisah tersebut boleh diikuti oleh pembaca disiri *You Tube Lie-beria* sekiranya ingin melihat sendiri gambaran membalaunya kejahatan dengan sesuatu yang lebih baik. Terdapat empat peringkat dalam membalaunya kejahatan dengan kebaikan melalui surah *Fussilat* iaitu menyayangi orang yang menganiaya, berbuat baik kepada orang yang menganiaya, mencegah diri daripada membalaunya dan bertindak melalui cara yang betul. Walaupun sesuatu yang sukar, namun percayalah akan mendatangkan ketenangan apabila kita mengingatinya dan melembutkan hati serta dendam yang membara di dalam diri.

Tabiat kelima ialah memahami sebelum difahami iaitu *seek first to understand, then to be understood* dengan mengurangkan bercakap dan banyakkan mendengar. Selain itu, apabila sesuatu keputusan perlu diputuskan terlebih dahulu, maka kita perlu mendengar bagi kedua-dua belah pihak. Ini disebabkan apabila kita terus menyatakan kesimpulan tanpa mendengar maka akan banyak kebaikan yang akan terlepas kerana perbuatan mendengar adalah *syifa'* iaitu penawar dan rawatan kepada yang memperdengarkan masalahnya. Masyarakat diberi peringatan agar menjauhi diri daripada lima pendengaran songsang. Pertama, macam mendengar tetapi tidak mendengar contohnya ketika berkomunikasi bersama kawan yang ditimpa masalah, kita mengelamun. Kedua, buat-buat dengar iaitu tidak mempedulikan kata-kata sehingga tidak bernilai. Ketiga, dengar apa yang mahu didengar sahaja kerana obses dengan sesuatu perkara yang mendominasi pemikiran. Keempat, salah faham teks dan perkataan. Contohnya apa yang dibaca dalam bentuk tulisan mungkin berlainan maksudnya disebabkan oleh faktor-faktor luar manakala yang terakhir ialah mendengar suara sendiri semata-mata dengan menilai orang lain melalui pandangan diri.

Oleh itu, kunci komunikasi dan tabiat yang efektif adalah memperbaiki cara mendengar kerana cara mendengar yang betul akan melahirkan komunikasi yang berkesan. Antaranya mendengar dengan dengan telinga, mata dan hati disebabkan telinga yang menangkap perkataan hanya mewakili 7% maksud pengucapan maka yang berbaki tersebut adalah melalui intonasi, gaya badan dan ekspresi muka. Kedua ialah cuba untuk meletakkan diri di tempat orang lain. Contohnya setiap latar belakang masyarakat adalah datangnya dari keluarga yang berbeza dan yang mempengaruhinya adalah cara mereka dibesarkan,

persekitaran dan pergaulan. Ketiga, berlatih cermin mencerminkan iaitu mencuba untuk bersikap seperti cermin yang tidak menghukum, tidak menilai dan tidak mengkritik sebaliknya hanya memantulkan gambaran yang diterima.

Tabiat keenam adalah sinergi yang merupakan kemuncak kepada semua tabiat yang telah dibincangkan iaitu *sunnatullah*. Contohnya apabila seorang pelajar makan tengah hari di kafe dengan mengambil ikan dan sayur serta nasi putih dengan anggaran makanan tersebut adalah lima ringgit Malaysia. Namun hakikatnya nilai lima ringgit tersebut jika dibandingkan dengan nelayan yang mencari ikan, peraih yang menjual sayur, pemandu lori yang menghantar ikan ke pasar borong serta petani yang menanam padi di sawah tidak berbaloi. Maka perkara itulah yang disebut sinergi manusia dan pelajar hanya perlu membayar RM5.00 sahaja untuk usaha tersebut. Rasulullah SAW mengingatkan kepada umatnya bahawa *syaitan kepada manusia adalah seperti serigala kepada sekumpulan kambing*. Serigala tidak akan makan kambing yang berkumpulan melainkan kambing tersebut mengasingkan diri daripada kambing-kambing yang lain. Justeru, Rasulullah SAW mengingatkan tiga perkara yang perlu diingat walau ke mana sahaja kita pergi iaitu mencari Jemaah kerana mereka akan menasihati kita apabila terlupa, bergaul dengan orang ramai dan mencari masjid.

Terdapat empat asas dalam memahami sinergi iaitu meraikan perbezaan sebagai satu kesempatan dan peluang bukan hanya halangan atau kelemahan, berkerja dalam kumpulan, berfikiran terbuka serta mencari jalan yang lebih baik. Kerja berkumpulan yang dapat dicontohi adalah pada zaman Salahuddin al-Ayubi yang berkeupayaan untuk menyatukan tentera Islam bagi membebaskan Masjidil Aqsa. Pendekatan prinsip adalah pendekatan yang digunakan oleh Covey berbanding pendekatan nilai kerana sistem nilai akan berubah apabila terdapat perubahan kepada manusia. Namun di sisi Islam nilai sangat penting kerana teras nilai adalah satu ketetapan dengan meletakkan Allah SWT sebagai matlamat.

Tabiat yang terakhir menurut Covey adalah asah gergaji iaitu dari segi fizikal, mental sosial dan spiritual. Proses ini akan memperbaharui diri masyarakat untuk mengecas kembali enam tabiat yang perlu diterapkan dalam buku *The Seven Habits of Highly Effective People*. Asah gergaji secara fizikal dalam rumah tangga yang diberikan oleh Covey contohnya berjogging pada waktu petang bersama-sama pasangan bagi membina gaya hidup sihat. Dari segi mental pula bukanlah ilmu psikologi yang perlu diterapkan tetapi konsep *lifelong learning* iaitu konsep pembelajaran sepanjang hayat dengan menambah ilmu pengetahuan tidak kira usia dengan membaca, belajar dan mengkaji. Tiga prinsip ini akan mengelakkan masyarakat daripada penyakit Alzheimer iaitu pelupa. Dari segi sosial pula, Covey mencadangkan untuk membina persahabatan dan empati melalui sinergi manakala yang terakhir dari sudut spiritual adalah dengan melalui meditasi iaitu berdoa, membaca kitab suci serta memberi inspirasi kepada masyarakat.

Melalui buku Sisi Berakhlik Yang Hilang ini, penulis mengetengahkan *The Seven Habits of Highly Effective People* karya Stephen Covey dengan penuh tersusun dan mendatangkan contoh-contoh yang relevan serta isu semasa supaya mudah difahami oleh masyarakat. Selain itu, penulis juga turut berkongsi kisah-kisah semasa beliau bersama delegasi menyantuni pelbagai masyarakat di luar negara. Maka dengan adanya paparan daripada contoh yang boleh dijadikan teladan seharusnya masyarakat menggarap sisi akhlak dengan penuh teliti kerana untuk melahirkan akhlak yang kompeten memerlukan satu usaha yang proaktif. Oleh

yang demikian, buku ini sesuai untuk dibaca oleh pelbagai peringkat masyarakat sama ada *non-muslim* mahupun muslim untuk memperkenalkan tujuh tabiat masyarakat. Ini membolehkan masyarakat memandang akhlak atau perilaku sebagai norma kehidupan yang pelbagai dengan meraikan pandangan serta berkomunikasi dengan lebih proaktif daripada genre yang berbeza sebagai individu mahupun dalam sebuah organisasi.

Suhaila Sharil

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau